

Guna teknologi terkini tingkat hasil



Latipah Omar (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada kakitangan RISDA mengenai cara membaja selepas merasmikan Kempen Gerakan Membaja RISDA di Alor Gajah, Melaka, baru-baru ini.

ALOR GAJAH 15 Mac - Pekebun kecil dinasihatkan supaya mempelajari kaedah membaja yang berkesan dan sentiasa mendapatkan khidmat nasihat daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) agar hasil pertanian mereka dapat ditingkatkan.

Timbalan Pengerusi Pembangunan Desa dan Pertanian negeri, Datuk Latipah Omar berkata, pekebun kecil perlu berani melakukan perubahan dengan mencuba cara dan teknologi terkini yang diperkenalkan RISDA terutama kaedah membaja bagi pokok getah.

"Pokok getah perlu dibaja mengikut jadual bagi memastikan ia mampu mengeluarkan susu yang banyak, mempercepatkan tempoh matang dan memanjangkan usia pokok," katanya ketika berucap merasmikan Kempen Gerakan Membaja RISDA peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning di Bukit Payung di sini kelmarin.

Turut hadir, Pengarah RISDA negeri, Zainon Harun; Timbalannya, Mohd. Korip Md. Amin dan disertai kira-kira 200 pekebun kecil kawasan berkenaan.

Menurut Latipah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning, kerajaan melalui RISDA mengeluarkan peruntukan yang banyak bagi membantu pekebun kecil membangun dan memajukan sektor pertanian khususnya tanaman getah.

Katanya, pada tahun ini, RISDA negeri memperuntukkan 600 hektar tanah untuk diusahakan dengan tanaman getah di bawah Program Tanam Semula.

Beliau berkata, pihak RISDA akan sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil dan akan menerapkan Amalan Pertanian Baik.

Katanya, ia bertujuan memastikan golongan itu dapat meningkatkan pendapatan melalui hasil pertanian, sekali gus mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan.